

BULETIN

POLITEKNIK PORT DICKSON

Bil. 2/2011/Edisi Ke-12
ISSN: 1985-8760

bersama menuju keemmerlangan

JUN - DISEMBER 2011



Jiwa
PATRIOTISME
PPD



green park
jke - muka 3



produk inovasi
& kreatif pelajar
PPD - muka 5




Wadah Dengarah PPD

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya, Buletin PPD berjaya diterbitkan bagi keluaran Bil 2/2011.

Masa terus bergerak dengan pantas dan kita semakin menghampiri penghujung tahun 2011. Dalam tempoh itu, PPD hampir mencecah usia 21 tahun. Pelbagai usaha telah dirancang serta dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pendidikan negara, melahirkan modal insan yang cemerlang dan berdaya saing yang dapat menerajui Malaysia sebagai negara maju. Perancangan yang strategik dengan pelaksanaan yang berkesan akan mengarah kepada pemacuan transformasi pendidikan negara. PPD amat komited dan sentiasa bergerak seiring dengan kehendak negara dan ia diterjemahkan melalui aktiviti-aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum oleh segenap jabatan dan unit di politeknik ini. PPD juga sentiasa peka dengan aktiviti kemasyarakatan serta menjalinkan hubungan baik dengan komuniti, agensi-agensi awam dan swasta serta pihak industri demi kegemilangan ilmu.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua penjawat awam PPD agar bekerja dengan penuh dedikasi serta tanggungjawab ke atas tugas yang diamanahkan. Sumbanglah jasa kepada agama, masyarakat dan negara dengan niat yang suci, ikhlas serta membudayakan etika kerja cemerlang. Mudah-mudahan tahun 2012 yang bakal menjelang membawa berkat dan rahmat kepada semua.

Sekian, wassalam.



Mejar (K) Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim., DNS



Dari Meja

EDITOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam satu Malaysia.

Pertama sekali marilah kita sama sama menadah tangan mengucapkan syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, kesinambungan Buletin PPD dapat diteruskan bagi sesi ini. Terbitan Bil 2/2011 bagi Jun–Dis kali ini menampilkan sedikit transformasi dari segi penambahan beberapa segmen serta memuatkan aktiviti menarik yang dilaksanakan di PPD sepanjang sesi ini. Ia terbitan kali ini turut memaparkan sumbangan dan pencapaian warga PPD di dalam maupun luar politeknik, antaranya pencapaian pelajar melalui projek inovasi dan kreatif bidang teknikal dan perdagangan, memenangi pertandingan serta interaksi dengan pihak industri. Di samping itu tenaga pensyarahnya dimantapkan dengan penerangan transformasi Fasa 2 oleh TKP En Amir Mohd Nor melalui Jerayawara serta pembentangan penyelidikan serta kertas kerja dalam menerusi Seminar NeCoR. Pada sesi ini PPD telah berjaya menubuhkan KAWANs iaitu kolaborasi bersama Muzium Negeri Sembilan dan Fakulti Seni Bina UTM. Dengan perkongsian maklumat melalui terbitan ini, diharapkan agar semua paparan yang dimuatkan dapat mencambah idea serta menjana potensi dan kompetensi di kalangan warga PPD dalam melonjakkan pelaksanaan agenda transformasi seperti yang diamanahkan.

Sekian dan salam hormat

Ketua Editor Buletin PPD

"Change will not come if we wait for some other person or some other time. We are the ones we've been waiting for. We are the change that we seek." Barack Obama

SIDANG EDITOR

Penaung:

Mejar (K)Haji Mohd Kharir Ibrahim., DNS

Ketua Editor:

Pn Izawati @ Siti Zawiyah Isa

Pen. Ketua Editor:

En Nagarajan Marimuthu

Setiausaha:

Cik Nurfarizah Ishak

Editor :

Cik Amira Hariyati Ruzaidi

Pn Nuratikah Seman

Pn Azilah Asri

En Mohd Afdzal Mohd Raffle

En Mohd Salihin Jamian

En Yusnizam Yahya

Rekabentuk Grafik:

En Azrin Mohammad

Cik Nurul Atiqah Basri

Jurufoto :

En Mohd Sani Laili Maslon



12

Jerayawara transformasi JPP

30 Nov - Melalui Jerayawara Transformasi, satu ceramah khas telah disampaikan oleh En Amir bin Md. Noor selaku Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Pengajian Politeknik, KPTM. Kunjungan beliau bersama beberapa pegawai JPP telah disambut oleh Pengurusan Tertinggi PPD sebelum perjumpaan dengan semua staf PPD di DK 4. Objektif utama sesi ini ialah untuk memantapkan pemahaman serta menjayakan hasrat dan misi transformasi Jabatan Pengajian Tinggi kepada warga politeknik. Adalah diharapkan agar semua warga politeknik dapat memahami, menghayati serta menterjemahkan agenda transformasi dalam pemberian pendidikan agar politeknik berjaya menjadi institusi pilihan

serta meningkatkan graduan yang inovatif serta memiliki ciri-ciri keusahawanan. Antara perkara yang disentuh termasuk Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Agenda Transformasi, Misi Nasional Negara, Wawasan 2020 dan ke arah Negara Maju menjelang 2050. Beliau juga menekankan agar politeknik berubah menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi yang boleh mengeluarkan graduan-graduan yang memiliki sekurang-kurangnya ijazah pertama menjelang 2020. Ini bermakna, pelan yang telah dirangka di bawah program transformasi pendidikan telah mula dipraktikkan pada 2010. Menurut beliau lagi, kita telah melangkaui fasa pertama pelan tersebut dan sekiranya politeknik di landasan yang betul, kita akan men-

capai fasa kegemilangan dan kelestarian politeknik melangkaui 2020. Beberapa inisiatif seperti Poly Rate, Niche Area, CoT, CoE, Kolaborasi Industri, Program Berkembar, Akta berkaitan Politeknik, dan Self Accreditation (MQA) perlulah dilepasi menjelang penubuhan Universiti Politeknik 2015. Di dalam sesi dialog, beliau juga turut menekankan agar warga politeknik mempraktikkan budaya kerja cemerlang agar politeknik mendapat pengiktirafan peringkat serantau dan antarabangsa. Program Jerayawara ini diakhiri dengan penyampaian anugerah dan penghargaan kepada pemenang-pemenang beberapa kategori sempena minggu kualiti yang telah diadakan di PPD baru-baru ini. -PRO

green park JKE

9 Nov - Teknologi Hijau merupakan agenda yang diberi keutamaan dan sokongan penuh dari pihak kerajaan. Dalam usaha merangka program baru yang bakal dilaksanakan pada Jun 2012, JKE juga berhasrat menjadikan program ini sebagai niche area Politeknik Port Dickson. Untuk itu, Green Park JKE diwujudkan sebagai platform permulaan untuk merealisasikannya di mana Menara Hybrid Green Energy didirikan bagi menghasilkan tenaga elektrik. Tenaga ini berasaskan tenaga solar dan angin berupaya menerangkan lampu koridor di Makmal JKE dan Projek Green Park. Satu majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pn Halimah binti Che Hassan, Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pengajian Politeknik. Selain dari majlis perasmian, para tetamu juga dibawa untuk melawat pameran berkenaan program baru ini yang berkaitan kajian penyelidikan dan peralatan makmal seperti Indoor Hybrid System untuk dijadikan sebahagian daripada silibus yang mendapat peruntukan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi JPP. -azie-



BULETIN JUN-DIS 2011



Kajian Alam Warisan Negeri Sembilan di PPD

29 Nov - Bagi menyahut cita-cita transformasi, Unit Seni Bina Jabatan Kejuruteraan Awam telah menubuhkan KAWANS iaitu Kajian Alam Warisan Negeri Sembilan. Ia diwujudkan sebagai pusat rujukan untuk komuniti luar dalam mendapatkan khidmat nasihat berhubung dengan warisan seni binaan minang di Negeri Sembilan dengan memberi penekanan kepada bahan dan teknologi binaan. Disamping itu ia, berfungsi dalam merekodkan dengan teratur warisan seni bina minang dalam bentuk lukisan, model, butiran binaan

dan persembahan multimedia serta menentukan gaya seni bina minang yang berhubungan dengan suku dalam adat minangkabau.

Lanjutan dengan penubuhannya, satu majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perancangan JPP, En Amir bin Md Noor. Beliau berkata dengan penubuhan KAWANS ia menjadi simbol kejayaan niche area di PPD. Ia bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar dan para akademik bertemu dan berbincang malah ia merupakan

platform bagi penglibatan pensyarah dan pelajar dalam memulihara warisan bangsa dan negara. Turut hadir semasa majlis perasmian ialah Drs Shamsuddin Ahmad, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan serta YM Dr Raja Nafida bt Raja Shahminan Pensyarah Falkuti Alambina Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Semoga penubuhan KAWANS memberi dimensi baru kepada PPD serta dapat melonjakkan seni bina warisan bangsa di peringkat global.

Politeknik Port Dickson **Johan** Endurance Gokart MSP

14-16 Okt - Tahun 2011 telah melakar sejarah bermakna bagi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Port Dickson (PPD) apabila muncul Juara kategori Endurance dan tempat ke-3 kategori Expert, dalam Kejohanan GoKart MSP 2011 di Litar Antarabangsa Sepang. Kejohanan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Politeknik (MSP) ini turut disertai oleh beberapa Politeknik seluruh negara. JKM PPD telah diwakili seramai 6 orang peserta dan 2 orang pensyarah terdiri daripada para pelajar Program Diploma Automotif & Diesel.

Dalam kejohanan ini, para pemenang telah menerima sebuah plak setiap seorang beserta hamper sebagai iringan. Pencapaian ini adalah amat membanggakan seluruh warga kerja JKM amnya, dan Ketua Jabatan JKM khususnya. Diharapkan, ianya akan terus menjadi sumber inspirasi kepada semua dalam penyertaan kejohanan seperti ini.-afdzal-



PRODUK INOVATIF DAN KREATIF PELAJAR PPD

9 Nov – Dengan bertemakan ‘Ke Arah Melahirkan Modal Insan Yang Berinovatif’ JKE dengan kerjasama JP dan Persatuan Alumni PPD telah menganjurkan Hari Produk Inovatif dan Kreatif. Program ini merupakan salah satu program yang dapat mengetengahkan bakat dan idea para pelajar dalam menghasilkan projek semester akhir di mana setiap jabatan menghantar penyertaan untuk dipertandingkan.

Projek Pelajar JKA yang bertajuk Smart Concrete Cube Compactor Machine telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan Projek Terbaik. Projek ini di bawah seliaan Puan Noraziela binti Mokhtar dan dianggotai oleh Mohamad Afiq, Mog Amirul, Nurfarahin, Nur Hafizah dan Asmalyana. Selain daripada itu projek lain yang turut dipertandingkan adalah Telekung Nur Moden, Mama Magic Liquid, Aroma Fresco,


Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Mejar (K) Tn Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, Pengarah Politeknik Port Dickson manakala

pertandingan ini telah diadili oleh Dr Samsuri bin Abdullah, En Mazlan bin Markon Senior Executive Majlis Rekabentuk Malaysia, En Kalam bin Mohd Nor Jurutera Bangunan JKR Rembau dan juga Tuan Hj Helmi Zakuan bin Harun Fahmi dari Kolej Komuniti Jelebu. Orang awam khususnya pelajar sekolah turut diundang bagi memeriahkan program ini. Semoga usaha ini dapat melahirkan generasi yang kreatif serta membudayakan inovasi di kalangan generasi muda. -msj-



career clinic CISEC

10 Nov – CISEC telah menyediakan program khusus untuk para pelajar iaitu Program Persediaan ke Alam Pekerjaan untuk para pelajar tahun akhir bertempat di DK 4 dan Profiling Test untuk para pelajar semester satu bertempat di Dewan Besar pada 10 November 2011. Program yang diberikan oleh panel dari luar ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang beberapa panduan untuk melangkah ke alam pekerjaan bagi menjadi pekerja yang efisien dan sebagai salah satu kemahiran sendiri. -azie-



PERODUA ECO - CHALLENGE

23 – 25 Jun - Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Port Dickson (PPD) telah menyahut cabaran daripada Perodua dengan menyertai Program Perodua Eco Challenge 2011. Program yang telah berlangsung di Malacca Motorsports International Circuit, turut disertai oleh para peserta daripada IPT lain seluruh negara. Terdahulu, JKM telah diberi penghargaan oleh pihak Perodua untuk menerima sebuah enjin yang akan digunakan semasa program tersebut dalam satu majlis yang diadakan di Perodua, Rawang. Para peserta telah

mengikuti beberapa siri bengkel latihan teknikal sebagai persediaan program yang dijalankan di Perodua Learning Centre, Rawang Selangor.

Sepanjang program tersebut, JKM, PPD yang diwakili oleh 10 orang pelajar dan 4 orang pensyarah Program Automotif & Diesel, telah diberi kepercayaan untuk mereka cipta chasis kenderaan beserta enjin yang telah diberikan bagi program tersebut. Hasilnya, pasukan ini berjaya merangkul tempat ke-10 kategori Longest Distance, tempat ke-14 bagi kategori Engineering dan tempat ke-12

kategori Design / Participation. Sekalung tahniah dan syabas, diharapkan agar pencapaian ini akan terus ditingkatkan lagi pada masa akan datang. -afdzal-



BULETIN JUN-DIS 2011



NECOR '11 - KOLOKIUUM KEBANGSAAN (POLITEKNIK ZON SELATAN)

2 – 3 Nov - Selaras dengan kewujudan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawan (UPIK), pelbagai bentuk program telah dirancang bagi membudayakan penyelidikan, inovasi dan keusahawan di kalangan para pensyarah khususnya. Pada sesi Jun 2011 ini, salah satu aktiviti yang telah dijalankan ialah NECor'11 iaitu Kolokium Kebangsaan (Peringkat Zon Selatan). Program ini telah

dijalankan pada 2 - 3 November 2011. Pembentangan selama dua hari ini berlangsung di PPD dengan diadakan sesi selari di tiga buah dewan kuliah iaitu DK4, DK5 dan DK6. Sebanyak 60 abstrak telah diterima daripada Politeknik Zon Selatan dan juga dari beberapa Politeknik lain seperti Politeknik Kuching, Politeknik Sultanah Bahiyah dan UTHM. Setelah abstrak


tersebut dinilai oleh Panel Penilai, sebanyak 40 kertas kerja saja yang berjaya untuk dibentangkan. Program sebegini diharap dapat dimanfaatkan oleh semua yang hadir dari segi perkembangan ilmu dan penerokaan hasil kajian pembentang pada kolokium tersebut. -azie-

PPD JOHAN Rekabentuk Wau dan Sukan Tradisional Sepak Raga

15-17 Jul - Politeknik Port Dickson berjaya memenangi tempat pertama dalam acara Sukan Tradisional (Wau) dan Sukan Tradisional (Sepak Raga Bulatan) sempena program Festival Kebudayaan dan Warisan Politeknik Malaysia 2011. Acara yang dipertandingkan adalah Lagu Rakyat dan Sukan Tradisional. Tahniah diucapkan kepada semua pelajar dan pensyarah pengiring yang terlibat dalam festival ini. Semoga warga PPD terus cemerlang dalam menaikkan nama Politeknik Port Dickson. -atikah-



SENI BINA JKA PPD menyinar di Festival Senibina & Rekacipta 'POLYTECHNIC DESIGN-FEST'



26-29 Sept - Seramai 15 orang pelajar dan 2 orang pensyarah Senibina PPD telah menyertai Festival Senibina & Rekacipta 'Polytechnic Design-FEST' di Politeknik Ungku Omar. Dalam festival ini, pasukan PPD telah merangkul Johan

untuk Kategori 'Design Exhibition'. Manakala bagi kategori 'Tapestry Art Competition', pasukan PPD telah menyapu bersih semua anugerah iaitu Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga. Tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang

terlibat iaitu pelajar senibina JKA yang telah mengharumkan nama Politeknik Port Dickson dan pensyarah pegiring mereka iaitu Cik Rafidah dan Cik Nawarlaili. Diharapkan agar PPD terus menyinar di masa akan datang.



JALUR GEMILANG TERPANJANG PPD

22 Ogos - Bagi menjayakan Bulan Kemerdekaan, JKE telah menghasilkan Jalur Gemilang Terpanjang di Politeknik Port Dickson iaitu sepanjang 110 m. Bermula pada 17 Ogos, para pelajar Polibriged JKE (semester 1) bersama para pensyarah mengukur dan menggantung kain berwarna putih dan merah bagi dijadikan Jalur Gemilang. Bertempat di Perkarangan Bangunan Pentadbiran, Majlis Perasmian Bulan

Kemerdekaan dan Pemasangan Jalur Gemilang Terpanjang PPD (110m) telah dilancarkan oleh Mejar (K) Tn Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, Pengarah Politeknik Port Dickson. Di samping itu dengan terhasilnya Jalur Gemilang ini, JKE juga telah menghantar penyertaan dalam Pertandingan Keceriaan Merdeka anjuran Kementerian Penerangan dalam kategori Bangunan Kerajaan dan berjaya mendapat tempat saguhati. -azie-

"LEARN THE *mistake*"

8 Okt - Bengkel "Learn the Mistake" Matematik Kejuruteraan 2 (BA201 & B2001) dijalankan bagi memantapkan kemahiran matematik pelajar politeknik. Seramai 57 pelajar yang terdiri daripada 13 pelajar cemerlang serta 44 pelajar berprestasi rendah terlibat dalam bengkel ini. Ia diadakan bagi mengolah teknik pengajaran tajuk Pembezaan yang dibahagikan kepada empat sesi iaitu Asas Pembezaan, Pemahaman Operasi, Teknik Memanipulasi Soalan dan Penggunaan Pembezaan. Bengkel ini dijalankan secara Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan setiap kumpulan dibimbing seorang pelajar cemerlang dan dipantau oleh 8 orang pensyarah JMSK. Teknik yang berorientasikan pelajar ini adalah alternatif kepada pengajaran formal dalam kelas. - Amira



BULETIN JUN-DIS 2011

JKA PPD cemerlang di Festival Kejuruteraan Awam. Senibina dan Ukur Tanah Peringkat Politeknik Malaysia



1 Nov - Sempena Festival ACELS 2011 yang telah berlangsung di Politeknik Merlimau, JKA PPD telah menghantar 3 penyertaan bagi Kategori Inovasi (Awam) dan 2 penyertaan Kategori Kreatif

(Senibina). Festival ini disertai oleh 12 orang pelajar JKA dan 5 orang pensyarah pengiring.

Hasil penat lelah pelajar dan pensyarah yang menyertai festival ini, mereka telah

berjaya mengharumkan nama Politeknik Port Dickson. Mereka telah berjaya memenangi hadiah Pembentang Terbaik iaitu Syed Muhammad Shuib b. Syed Yusof, Naib Johan Kategori Inovatif (Kejuruteraan Awam) iaitu Projek Smart Concrete Compactor Machine yang dianggotai oleh Mohamad Afiq, Mog Amirul, Nurfarahin, Nur Hafizah dan Asmalyana dan Tempat Ketiga Kategori Kreatif (Senibina) iaitu Projek Tourist Information Centre yang dihasilkan oleh Muhammad Shuib b. Syed Yusoff.

Semoga penglibatan para pensyarah dan pelajar dalam bidang penyelidikan dan inovasi seperti ini dapat diteruskan bagi meningkatkan lagi kualiti P&P dan seterusnya melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

Usahawan POLI PD Terus Menyerlah



28-31 Okt - Buat julung-julung kalinya satu Karnival Keusahawanan Politeknik telah diadakan di Dataran Bestari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Karnival yang diadakan bersempena dengan pelancaran MPEC (Malaysian Polytechnics Entrepreneurship Centre) ini telah disertai oleh hampir kesemua politeknik Se-Malaysia dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin,

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Pertandingan Entrepreneur Race, Gerai Jualan Terbaik dan Catur Bistari.

Tahniah diucapkan kepada usahawan muda Politeknik Port Dickson kerana berjaya menjadi Johan Best Selling di antara 5 Kategori Produk yang dipertandingkan. Tahniah juga diucapkan kepada Usahawan Gerai (Mat Salai, Ice Blended dan Doner Kebab) kerana telah

berjaya mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Gerai Jualan Terbaik. Hadaiah telah disampaikan oleh Pengerusi MPEC, Datuk Hj. Mohlis Jaafar. Moga kejayaan tersebut akan menjadi pendorong kepada bakal usahawan muda untuk sama-sama membudayakan bidang keusahawanan di Politeknik Port Dickson.



"WE ARE PRODUCT OF OUR CHOICES"

9 Sept –Seramai 166 pelajar terlibat dengan bengkel sehari bertajuk "We Are Product of Our Choices" anjuran Jabatan Matematik, Sains dan Komputer . Bengkel yang dikendalikan oleh Smart Excel Consultant, Pakar Perunding & Latihan Sumber Insan NLP. Objektif bengkel ini adalah memupuk tanggungjawab pada diri sendiri, mencipta matlamat yang jelas, membina sikap yakin diri, mencungkil kelebihan dan kelemahan diri, dan mengaplikasi kemahiran NLP dalam meningkatkan prestasi diri. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara praktikal ini terbukti memudahkan pemahaman para peserta yang dilihat memberi respon positif dalam melakukan perubahan sikap dan sahsiah diri dalam pelajaran dan kehidupan ke arah yang lebih baik. – *Amira*



Malam Anugerah Senibina Bersama PAM



3 Nov - Setelah 11 tahun menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), buat pertama kalinya Presiden PAM iaitu Arkitek Saifudin bin Ahmad telah hadir ke majlis anugerah pelajar senibina yang berlangsung di Dewan Wawasan PPD. Dalam majlis tersebut, pelajar-pelajar yang mendapat projek terbaik setiap semester diraikan dan dua anugerah utama iaitu Anugerah Kepimpinan Pelajar Senibina dan The Most Outstanding Award telah diberikan kepada pelajar.

Anugerah Kepimpinan pelajar dimenangi oleh Muhammad Hazwan manakala The Most Outstanding Award dimenangi oleh Syed Muhamad Shuib. Kedua-dua pelajar tersebut merupakan pelajar semester akhir dan telah menyumbangkan khidmat bakti cemerlang dalam senibina JKA PPD terutama dalam bidang kecemerlangan akademik dan bukan akademik di dalam dan luar politeknik termasuk program anjuran PAM. Di samping kehadiran Presiden PAM, Pengarah PPD, pensyarah dan pelajar senibina, majlis ini juga dihadiri oleh bekas-bekas pelajar iaitu alumni senibina yang telah bekerja dan masih menjalinkan hubungan baik dengan senibina PPD. Adalah diharapkan agar majlis seperti ini dapat mengeratkan lagi jalinan kolaborasi antara PPD dan PAM di dalam merealisasikan warga senibina yang cemerlang agar dapat menerobos sempadan dunia. – *Nuratikah*



VISIT TO MODENAS

2 Dec - With the aim of obtaining first-hand information from industries, English Language Unit has organized a visit to Modenas, Gurun, Kedah. There were 34 students of semester three involved in this program. The objective of the program is to provide these students with current and updated knowledge and skills regarding the automotive industry in Malaysia. Students were given a thorough briefing on the motorcycle production by the Modenas officers. One of the special features of Modenas product is the Electric scooter. It is hoped that the students had gained benefits and fruitful insights during this visit which is in line with their current English module AE301, Process and Procedures. - *Yusnizam*

JOM JADI USAHAWAN



27-28 Jul - Unit Keusahawanan PoliPD telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan satu Bengkel Keusahawanan yang melibatkan penyertaan dari 5 politeknik zon selatan iaitu Politeknik Johor Bahru, Politeknik Mersing, Politeknik Merlimau, Politeknik Kota Melaka dan Politeknik Port Dickson. Bengkel 2 hari telah dimantapkan dengan beberapa siri ceramah yang

disampaikan oleh pegawai dari agensi sokongan seperti MARA, PKNNS dan SME Corp. Ceramah berkisar tentang peluang dan persediaan awal bagi menubuhkan perniagaan. Disamping itu para peserta turut didedahkan dari segi amali dalam 6 bidang yang berpotensi dan mempunyai risiko paling rendah untuk diusahakan. Bidang-bidang berkenaan adalah Fotografi, Membaiki Kereta,

Simen Fero, Jahitan dan Sulaman Manik, Membaiki Handphone, Kraftangan dan Perkhidmatan Menggunting Rambut. Diharap dengan terlaksananya bengkel seumpama ini, ia dapat memberi sedikit gambaran dan motivasi kepada para peserta bahawa tidaklah terlalu sukar untuk menjadi usahawan. Apa yang penting adalah minat, kesungguhan dan bijak memilih bidang yang bersesuaian. -msj-



PROGRAM SAYANG PERPUSTAKAAN 1 POLI MEMBACA

10 - 28 Okt - Bagi menanam budaya membaca, Unit Perpustakaan telah menganjurkan Program Sayang Perpustakaan : 1 Poli Membaca. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya pertandingan mencipta pantun, pertandingan fotografi, pertandingan mewarna kanak-kanak, indoor games dan pameran Tokoh Bahasa sempena Bulan Bahasa Kebangsaan iaitu pameran Za'ba : Melestari Bahasa Merentasi Zaman. Penyertaan aktiviti-aktiviti ini terbuka kepada semua warga Politeknik Port

Dickson (PPD). Objektif program ini adalah memberi pendedahan mengenai kewujudan perpustakaan dan peranannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, mendekatkan perpustakaan dengan warga PPD dan masyarakat sekitar melalui jalinan kerjasama dalam pelbagai aktiviti, menanamkan tabiat suka membaca dan cinta kepada bahasa dan memperkenalkan tokoh tempatan dalam bidang bahasa iaitu Pendeta Za'ba melalui pameran yang diadakan. - Amira



PROGRAM SPECIAL TRAINING FOR YOUNG LEADERS (STYLE)

7 - 10 Okt - Unit Psikologi dan Kerjaya Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mengadakan program STYLE 2011 bertempat di Kem Pengakap Bukit Katil, Melaka yang melibatkan siswa-siswi ahli Pembimbing Rakan Siswa Politeknik seluruh Malaysia di mana setiap politeknik telah menghantar 6 orang peserta yang terdiri daripada Majlis Tertinggi Pembimbing Rakan Siswa serta bakal pelapis. Objektif program ini adalah untuk melengkapkan diri peserta dengan ilmu-ilmu Pembimbing Rakan Siswa serta melatih pelajar menjadi seorang pemimpin yang berkeupayaan memandu rakan sebaya dan juga organisasi kelab Pembimbing Rakan Siswa. Melalui program ini juga dapat melatih pelajar untuk menonjolkan potensi diri secara maksima dan melatih pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif supaya berkeupayaan menyumbang idea-idea yang bernas. -Yus

bengkel **IMBASAN PEMBEZAAN**

29 Julai 2011 – Jabatan Matematik, Sains dan Komputer telah mengadakan Bengkel Imbasan Pembezaan yang melibatkan 220 pelajar Kursus Engineering Mathematic 5 (B5001). Bengkel yang disampaikan oleh Puan Suhana binti Ramli, pensyarah JMSK ini dijalankan bagi

mengimbas kembali teknik asas pembezaan dan melihat penguasaan pelajar dalam kursus itu. Pencapaian diukur menggunakan Ujian Pos yang dijalankan selepas bengkel dengan menggunakan soalan yang sama bagi Ujian Pra yang diberikan kepada para pelajar sebelum

itu. Bengkel ini dilihat berjaya dengan peningkatan markah Ujian Pos para peserta. Bengkel ini juga menjimatkan masa pensyarah yang mengajar Kursus B5001 daripada sentiasa membuat sesi imbasan dalam kelas. – *Amira*

BENEFITS of **STRUGGLING**

A man found a cocoon of a butterfly. One day a small opening appeared, he sat and watched the butterfly for several hours as it struggled to force its body through that little hole.



Then it seemed to stop making any progress. It appeared as if it had gotten as far as it could and it could go no farther. Then the man decided to help the butterfly, so he took a pair of scissors and snipped off the remaining bit of the cocoon. The butterfly then emerged easily.

But it had a swollen body and small, shriveled wings. The man continued to watch the butterfly because he expected that, at any moment, the wings would enlarge and expand to be able to support the body, which would contract in time. Neither happened! In fact, the butterfly spent the rest of its life crawling around with a swollen body and shriveled wings. It never was able to fly.



What the man in his kindness and haste did not understand was that the restricting cocoon and the struggle required for the butterfly to get through the tiny opening were God's way of forcing fluid from the body of the butterfly into its wings so that it would be ready for flight once it achieved its freedom from the cocoon.

Sometimes struggles are exactly what we need in our life. If God allowed us to go through our life without any obstacles, it would cripple us. We would not be as strong as what we could have been. And we could never fly. Author Unknown. Source: Internet



Segmen Renungan

"Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan."
"Jadikan dirimu bagai pohon yang rendang di mana insan dapat berteduh. Jangan seperti pohon kering tempat sang pungguk melepas rindu dan hanya layak dibuat kayu api."

PENYAKIT HATI

Tanda-tanda penyakit hati:

- Tiada minat belajar
- Cinta kepada dunia melebihi segalanya
- Malas beribadat seolah-olah akan hidup selamanya
- Suka dipuji-puji dan bermegah-megah. "Tidak akan masuk syurga seseorang itu jika terdapat perasaan bangga dalam diri walaupun hanya sebesar biji sawi" --Hadis Nabi
- Gemar dan seronok membuat maksiat / mungkar
- Tidak suka kepada kebajikan

Cara merawat penyakit hati :

- Banyakkan berbuat ibadat
- Banyakkan berzikir dapat membersihkan hati
- "Janganlah kamu mengikut orang yang telah Kami lalakan dan mengikut nafsu" ---Surah Al-Kahfi 28---
- Melakukan Qiamullail
- Banyakkan berpuasa
- Mencari sumber rezeki yang halal

Collaboration Initiative : **LEARNING ENGLISH AND MATHEMATICS IN A FUN WAY!**

18-19 June - The General Studies Department of PPD in collaboration with Mathematics, Science and Computer Department and SK Telok Kemang, has organized a 2 days workshop on the preparation of UPSR examination for English and Mathematics subjects. The

program was participated by 44 year six students from SK Telok Kemang whose performance are below average. Besides sharing and imparting knowledge to the communities, the objective of this program is to improve their skills in both subjects. Pre and Post Test were conducted in order to measure the effectiveness of this

program. Games such as explorerace were incorporated to motivate and activate students' involvement throughout the program. As a whole, this program was well-received by the students and the school management. In future, it is hoped that this program could be extended to PMR and SPM level.



Majlis bersama Menteri Pengajian Tinggi Yb. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin

Festival Kesenian Islam Politeknik KPTM Peringkat Kebangsaan



Lawatan Pengarah PPD ke iGEM




Sekitar Kejohanan Sofbol Politeknik Kebangsaan ke-6

karnival JPA menjana modal insan seimbang dan menyeluruh

29 Jul - Bagi melahirkan pelajar yang berkualiti, bertrampilan serta bersedia bersaing, Karnival Jabatan Pengajian Am telah diadakan. Antara tujuannya untuk mempertingkatkan tahap keyakinan pelajar menggunakan bahasa Arab dan Inggeris serta membina jati diri. Pelbagai acara telah dipertandingkan seperti bercerita dalam Bahasa Inggeris, Deklamasi Syair Arab, Pertandingan Nasyid, Pengucapan Awam B. Inggeris dan Penulisan Khat. Majlis Perasmian Penutup disempurnakan oleh Tuan Pengarah Politeknik Port Dickson Mejar(K) Tuan Hj. Mohd Kharir bin Mohd



Ibrahim. Dalam ucapan perasmian penutup beliau menyokong padu supaya karnival ini diteruskan dalam menjana modal insan yang berke-trampilan dalam aspek keperibadian yang seimbang dan menyeluruh. -YUS-



Program Wellness PolIPD

program WELLNESS POLIPD

21 Okt – Dalam sehari, kita menghabiskan 1/3 masa di tempat kerja. Maka aktiviti fizikal amat penting bagi mengurangkan dan mengawal stress disamping menguatkan ukhwa antara staf. Atas inspirasi Tuan Pengarah PPD, Program Wellness telah diadakan pada setiap hari Jumaat bermula jam 3.30 petang. En Suhairi dan Cik Nur Rebecca Qaleesya telah mengetuai aktiviti senamrobik serta Senam Seni 1Malaysia. Sementara itu Klinik PPD telah memulakan operasinya dan diuruselia oleh Peno-

long Pegawai Perubatan U29, En Ahmad Syarifuddin. Disamping memberikan khidmat kesihatan kepada pelajar dan staf, Klinik PPD telah menganjurkan beberapa aktiviti seperti Program Derma Organ, Program Derma Darah serta Program menguji jenis darah. Diharapkan pelajar serta staf politeknik PD sentiasa mengambil berat aspek kesihatan. Semoga aktiviti seumpama ini dapat melahirkan warga PPD yang cergas, cerdas fizikal, emosi, dan mindanya seperti ungkapan "Badan sihat minda cergas."